

05 JUL 1999
BN-Mesyuarat
MESYUARAT KHAS BN DI PWTC

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Satu mesyuarat khas membabitkan setiausaha agung daripada 14 parti komponen Barisan Nasional (BN) diadakan pagi ini untuk membincangkan persiapan dan strategi bagi pilihan raya akan datang.

Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat mempengerusikan mesyuarat itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Mesyuarat hari ini merupakan susulan kepada mesyuarat majlis tertinggi BN pada 24 Jun lepas yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN.

Dalam mesyuarat itu Dr Mahathir telah berkata pilihan raya boleh diadakan pada bila-bila masa dan mengarahkan parti-parti komponen BN supaya menggerakkan jentera pilihan raya masing-masing.

Dr Mahathir, yang juga presiden Umno telah berkata beliau sendiri akan memutuskan senarai akhir calon-calon BN bagi pilihan raya.

Penggal Parlimen sekarang akan berakhir pada Jun depan. Pilihan raya lepas berlangsung pada 24 dan 25 April, 1995.

Mesyuarat hari ini juga dijangka membincangkan persiapan bagi sambutan ulangtahun ke 25 BN tahun ini.

Satu jawatankuasa yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ditubuhkan pada 24 Jun lepas untuk menganjurkan sambutan itu.

BN terdiri daripada Umno, MCA, MIC, Gerakan dan PPP di Semenanjung sementara anggota-anggota BN di Sabah ialah LDP, Akar Bersatu, PDS, PBRS dan SAPP sementara di Sarawak ialah PBB, SUPP, PBDS dan SNAP.

-- BERNAMA
ES PR